

KENYATAAN MEDIA

19 OKTOBER 2022

Individu Didapati Bersalah Curi Elektrik bagi Aktiviti Perlombongan *Bitcoin* Didenda RM20,000.00

Putrajaya, 19 Oktober – Mahkamah Sesyen Ipoh pada 17 Oktober lalu telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 terhadap seorang individu atas pertuduhan membuat penyambungan terus tanpa menggunakan meter ke panel pengagihan bagi aktiviti perlombongan *bitcoin*.

Hakim Mahkamah Sesyen, Norashima Khalid, menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00 tersebut kepada tertuduh, Sim Pui Yee, yang dituduh di bawah subseksyen 37 (3)(c) Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] yang membawa hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000.00 dan tidak melebihi RM1,000,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya, jika disabit kesalahan.

Tertuduh telah mengaku salah terhadap pertuduhan yang dibacakan dan telah membayar denda tersebut. Pendakwaan dijalankan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Tenaga (“ST”), Nor Shahkierra Abd Manan manakala tertuduh diwakili peguam, Nik Mohamed Ikhwan bin Nik Mahamud daripada firma guaman Tetuan Nik Ikhwan & Co.

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga. ST berharap hukuman denda ke atas tertuduh ini dapat menjadi pengajaran kepada semua pihak agar tidak menggunakan elektrik secara haram.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST juga memandang serius ke atas kes seperti ini yang memberi kesan bukan sahaja kepada industri tenaga negara dari segi nilai, bahkan terhadap kestabilan sistem bekalan elektrik dan keselamatan awam. Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memberikan maklumat berkenaan sebarang aktiviti mencuri elektrik melalui sistem eAduan ST yang boleh dicapai melalui laman web www.st.gov.my.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azrina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.